

23/06/1997

Permint Perdana mercu tanda Kuala Terengganu

Ibrahim Muhamad

TAMAN Permint Perdana yang dibina di atas tanah paya nipah tebus guna seluas 54.49 hektar di Kampung Batin, Seberang Takir di Kuala Terengganu akan menjadi mercu tanda serta pusat pembangunan kecil yang teratur di bahagian utara Kuala Terengganu.

Hasil gabungan seni antara kampung tradisional nelayan dan kraf tempatan menjadi daya reka bentuk asas perkampungan yang akan mengubah budaya hidup nelayan daripada cara tradisional kepada pasca moden tanpa menghilangkan nilai ketimuran berasaskan Islam.

Reka bentuk kawasan perkampungan itu boleh dianggap seperti Venice Terengganu kerana ia dilingkungi anak sungai semula jadi yang menjadi sebahagian punca rezeki penduduk tempatan.

Kebanyakan mereka terbabit dalam industri berasaskan perikanan dan pertanian.

Taman itu juga dihubungkan dengan kawasan penempatan dan industri yang sedang membangun di Gong Badak, Lapangan Terbang Sultan Mahmud serta Kompleks sukan Gong Badak.

Sesuai dengan kedudukan unik dan strategik, kawasan berkenaan akan menjadi tumpuan penduduk tempatan terutama nelayan yang kini mula mengubah arah pekerjaan tradisional kepada industri kecil.

Kawasan pembangunan Permint Perdana yang dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini berhadapan muara Sungai Terengganu dan pusat bandar Kuala Terengganu, mengandungi 415 unit rumah kos rendah, 186 berkembar dua tingkat, 58 unit rumah teres dua tingkat, 273 rumah teres satu tingkat dan rumah kedai 20 unit, manakala lot perpindahan pula ialah 1,027 unit.

Pembangunan di kawasan itu dibahagikan kepada tiga fasa yang dijangka siap dalam tempoh tujuh tahun.

Fasa pertama membabitkan pembangunan infrastruktur, rumah teres kos rendah (415 unit) dan rumah berkembar dua tingkat (186 unit).

Fasa kedua pula membabitkan pembinaan rumah teres dua tingkat (58 unit), rumah teres satu tingkat (273 unit) dan kedai (20 unit), manakala fasa ketiga pembangunan akan datang membabitkan industri kecil dan sederhana serta pusat komersil.

Pengurus Besar Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT), Datuk Mohamad Zaki Yusof, berkata cadangan harga bagi rumah di Taman Permint Perdana ialah rumah berkembar dua tingkat RM150,000, rumah teres satu tingkat RM72,000, rumah teres dua tingkat RM110,000, rumah kos rendah RM25,000 dan rumah kedai dia tingkat RM140,000.

Perbadanan berkenaan memberi jaminan perancangan keseluruhan itu mengutamakan keselesaan dan kemudahan penghuni seperti kawasan lapang, padang permainan untuk riadah, sukan, masjid, pembangunan komersil.

Menurutnya, dalam perancangan akan datang membabitkan beberapa pembangunan untuk kegiatan pelancongan seperti perkampungan kraftangan, hotel, kawasan riadah tepi sungai, marina serta rumah kelab.

(END)